JABATAN PERDANA MENTERI
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG

SIARAN MEDIA
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG, JABATAN PERDANA MENTERI

PENGUKUHAN KERJASAMA BILATERAL MALAYSIA–SINGAPURA DALAM INDUSTRI PENYELESAIAN PERTIKAIAN ALTERNATIF

PUTRAJAYA, 3 Jun 2026 – Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) bersama Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (Malaysia) (AIAC) terus memperkukuh kerjasama strategik Malaysia–Singapura dalam industri Penyelesaian Pertikaian Alternatif (ADR) bagi memperkasa penyelesaian pertikaian rentas sempadan serta pembangunan ekosistem ADR serantau.

Kerjasama ini merupakan susulan kepada siri perbincangan antara YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) dan Tuan Yang Terutama Edwin Tong, Menteri Undang-Undang dan Menteri Kedua Hal Ehwal Dalam Negeri Singapura sejak ASEAN Law Forum 2025 dan Commonwealth Law Ministers Meeting 2026.

Dalam pertemuan terbaharu, kedua-dua pihak membincangkan pengukuhan kerangka pengantaraan, penyelesaian pertikaian komersial rentas sempadan, pembangunan kapasiti profesional serta perkongsian amalan terbaik dalam industri ADR. Perbincangan turut merangkumi usaha Malaysia membangunkan standard akreditasi pengantara yang lebih tersusun dan seragam dengan mengambil kira pengalaman serta amalan terbaik Singapura. Kedua-dua pihak juga bertukar pandangan mengenai ratifikasi Konvensyen Singapura dan usaha mempromosikan pengantaraan di peringkat antarabangsa.

Sebagai langkah memperkukuh kerjasama institusi, AIAC telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Singapore International Arbitration Centre (SIAC) dan Singapore International Mediation Centre (SIMC), yang disaksikan oleh kedua-dua Menteri. MoU ini akan memperluas kerjasama dalam promosi timbang tara antarabangsa dan pengantaraan, termasuk penganjuran program serta persidangan profesional di kedua-dua negara. Delegasi Malaysia turut

mengadakan sesi libat urus dengan Singapore International Mediation Institute (SIMI) dan Community Mediation Unit (CMU) bagi meneliti pendekatan terbaik dalam akreditasi profesional, pembangunan kompetensi pengantara dan pemerkasaan ekosistem pengantaraan.

Kedua-dua pihak turut bersetuju secara prinsip untuk meneroka penganjuran bersama forum ADR di Kuala Lumpur dan Singapura sebagai platform kerjasama antara penggubal dasar, institusi ADR dan pemain industri serantau.

Kerajaan MADANI kekal komited memperkukuh ekosistem penyelesaian pertikaian negara melalui pendekatan ADR yang moden, efektif dan mesra pelabur selaras dengan agenda reformasi institusi serta usaha memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai hab ADR terkemuka di Asia.

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI
3 JUN 2026

MALAYSIA MADANI